A

ABDUL RAHMAN MOHD NOR

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
RIDWAN IBRAHIM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42A-4-2006]
12 MAC 2009

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Pencegahan Rasuah 1997 - Seksyen 10(a)(aa) & Seksyen 11(a) - Meminta dan menerima suapan - Sama ada dibuktikan - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Sama ada Hakim Sesyen khilaf apabila memutuskan satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap perayu - Sama ada pembelaan perayu*
D *berjaya menimbulkan keterangan mematahkan anggapan undang-undang yang terpakai terhadapnya - Sama ada hukuman yang diberi memadai - Sama ada hukuman dan sabitan dikekalkan*

Perayu adalah seorang Pembantu Tadbir di Pejabat Tanah dan
E Daerah Slim yang telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen dengan melakukan kesalahan di bawah s. 10(a)(aa) dan s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1977 yang boleh dihukum di bawah s. 16 Akta yang sama. Perayu telah dituduh dengan empat pertuduhan iaitu (i) pada 8 Januari 2002, perayu telah secara rasuah meminta
F satu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM5,000 daripada SP9 sebagai dorongan untuk melakukan suatu yang berhubung dengan hal ehwal prinsipal beliau, iaitu menguruskan permohonan permit pengeluaran pasir Syarikat Kilauan Budi Sdn Bhd milik SP9; (ii) pada 14 Januari 2002 di Coffee House, Hotel Seri Malaysia,
G perayu telah secara rasuah memperoleh untuk satu suapan wang tunai sebanyak RM1,000 daripada SP9; (iii) pada 14 Januari 2002 di Coffee House, Hotel Seri Malaysia, perayu telah secara rasuah memperoleh satu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM2,000 daripada SP9 melalui satu akaun bank Maybank; (iv) pada
H 17 Januari 2002 perayu telah secara rasuah memperoleh satu suapan wang tunai sebanyak RM2,000 daripada SP9 sebagai upah untuk perayu menguruskan permohonan permit yang telah disebut. Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen berpuashati dan memutuskan bahawa suatu kes *prima facie* telah dibuktikan
I dan memerintahkan perayu mengemukakan pembelaannya. Di akhir kes pembelaan, Hakim berkenaan juga telah mendapati pihak

pembelaan gagal mematahkan anggapan undang-undang di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta). Perayu didapati bersalah dan atas sabitan perayu dijatuhkan hukuman. Perayu sekarang merayu ke Mahkamah Tinggi atas sabitan dan hukuman tersebut. Perayu mengujahkan bahawa (i) tiada permintaan RM5,000 kepada SP9 oleh perayu kerana cuma dalam aduan SP9 sahaja yang mengatakan ada permintaan sedemikian sedangkan dalam perbualan telefon melalui transkripsi yang tidak jelas dan tiada sebarang permintaan wang bernilai tersebut dan Hakim Sesyen tersilap apabila menerima atau merujuk kepada perbualan telefon pada 13 Januari 2002 bagi mengesahkan permintaan walhal perbualan telefon itu berlaku selepas tarikh pertuduhan pertama iaitu 8 Januari 2002; (ii) Hakim Sesyen telah terkhilaf bila mengatakan dalam rakaman perbualan telefon perayu telah meminta RM1,000 dari SP9; (iii) wang RM2,000 dimasukkan ke akaun perayu tanpa diketahui oleh perayu sendiri (iv) Hakim Sesyen telah khilaf kerana hanya menimbangkan dan mempercayai keterangan SP9 sahaja dalam membuat keputusannya terhadap perayu.

Diputuskan (menolak rayuan perayu):

(1) Bagi pertuduhan pertama, adalah benar di dalam perbualan telefon (13 Januari 2002) tidak langsung menyebut tentang jumlah RM5,000 tetapi ternyata dalam perbualan itu ada disebut RM1,000, RM4,000 dan RM3,000 antara SP9 dan perayu. Dalam perbualan itu, kesimpulan yang boleh dibuat adalah jumlah RM5,000 diminta. Laporan BPR yang dibuat oleh SP9 dan perbualan telefon yang dirakamkan pada tarikh tersebut adalah saling sah dan mengesahkan sekiranya dibacakan bersama. Tambahan pula saksi SP12 juga berpendapat bahawa memang sah perayu ada meminta wang dari SP9 daripada analisanya ke atas rakaman telefon berkaitan. Hakim Mahkamah Sesyen adalah berbetulan dalam mencapai keputusannya berkaitan pertuduhan pertama terhadap perayu yang telah meminta RM5,000 dari SP9 bagi tujuan habuannya memproses permohonan dan kelulusan memperbaharui permit bahan batu kepada syarikat SP9. Apa yang lebih menguatkan lagi keputusannya adalah kerana segala urusan memperbaharui itu dibuat oleh perayu sendiri tanpa melalui sesiapa kecuali kebenaran atau kelulusan diberikan oleh pegawai atasan perayu. Hakim Sesyen berkenaan telahpun

menimbangkan segala keterangan dihadapannya secara 'total' dan mencapai keputusannya terhadap pertuduhan pertama kes ini. (perenggan 14, 15, 16 & 17)

(2) Bagi pertuduhan kedua, Hakim Sesyen tidak menyatakan dalam rakaman perbualan telefon perayu telah meminta RM1,000 itu dari SP9. Hakim Sesyen mengatakan bahawa melalui rakaman telefon perayu ada meminta wang di mana pembayarannya berlaku di Hotel Seri Malaysia yang melibatkan wang RM1,000 keesokan hari selepas rakaman telefon. Apa yang sebenarnya berlaku adalah perbuatan perayu memperolehi wang berkenaan di situ yang menjadi asas kepada pertuduhan kedua terhadap perayu. Akibat daripada pembuktian positif terhadap penerimaan RM1,000 itu oleh perayu, maka anggapan undang-undang di bawah s. 42 Akta adalah terpakai sebagaimana yang diputuskan oleh Hakim Sesyen. (perenggan 21)

(3) Bagi pertuduhan ketiga, Hakim Sesyen tidak hanya menimbangkan keterangan SP15 tetapi juga kepada fakta-fakta yang menunjukkan wang benar-benar dimasukkan ke dalam akaun perayu lalu beliau 'invokekan' anggapan undang-undang di bawah s. 42 Akta. Hakim Sesyen tidak terkhilaf dalam membuat keputusan sebegini. Ini kerana keterangan SP15 adalah disokong awalnya oleh keterangan SP9 lagi yang mengatakan bahawa perayu memberikan reaksi positif secara mengangguk-angguk kepalanya tentang cadangan SP9 untuk memberikan RM1,000 secara tunai dan RM2,000 dimasukkan ke dalam akaunnya. Perbuatan memasukkan wang ke dalam akaun perayu bukanlah satu perangkap, ianya dibuat dalam perayu sedar tentang apa yang sedang berlaku dan kemasukkan wang tersebut disedari oleh perayu. (perenggan 24 & 26)

(4) Bagi pertuduhan keempat, mahkamah ini bersetuju dengan pendapat Hakim Sesyen di mana beliau menyatakan terdapat banyak keterangan sokongan kepada keterangan SP9, apa yang jelas dari fakta, pembayaran RM2,000 ini dibuat selepas kelulusan permit bahan batu permohonan syarikat SP9 dikeluarkan. Pembayaran ini juga adalah sebahagian daripada apa yang dipersetujui antara SP9 dan perayu semasa pertemuan kedua mereka di Coffee House Hotel Seri Malaysia pada tarikh berkaitan secara positif dan secara objektifnya

permintaan daripada perayu adalah bermula dari satu panggilan telefon sepertimana pertuduhan pertamanya dan pembayaran-pembayaran yang menyusul kemudiannya adalah sepertimana intipati pertuduhan-pertuduhan kedua hingga ke empat terhadap tertuduh, yang merupakan pelaksanaan kepada permintaan perayu terdahulu. Mahkamah ini bersependapat dengan Hakim Sesyen yang memutuskan anggapan undang-undang timbul bagi keempat-empat pertuduhan terhadap tertuduh. (perenggan 27)

(5) Pembelaan atau dalihan perayu tertumpu pada dua perkara di mana dia menafikan ada meminta wang dari perayu bagi SP9 untuk menguruskan permohonan permit bagi pertuduhan pertama dan menafikan pula wang-wang jumlah RM5,000 yang diterimanya adalah wang rasuah tetapi wang bagi membayar royalti di bawah permit yang diluluskan kepada syarikat SP9. Hakim Sesyen telah menolak kedua-dua aspek pembelaan di atas kerana kepadanya perayu gagal menimbulkan apa-apa keterangan dalam mematah anggapan undang-undang yang terpakai terhadapnya. Mahkamah bersetuju dengan alasan-alasan Hakim Sesyen menolak pembelaan perayu kerana kesalahan-kesalahannya telah diniatkan dari sejak awal panggilan telefon, sebelum bagi panggilan telefon yang dirakamkan. Tiada situasi yang mengatakan SP9 telah mengumpan rasuah kepada perayu, yang membawa kepada perangkap oleh BPR. 'Arrangement' bagi menyimpan wang ke dalam akaun perayu di tangan perayu adalah sesuatu yang tidak masuk akal kerana SP9 bukanlah seorang budak mentah yang tidak tahu mengumpul duit demi kesinambungan hayat syarikatnya. Umumnya, pembacaan dan analisis terhadap keterangan pembelaan perayu tidaklah mencapai satu keadaan yang boleh ditimbang atau dianggapkan dapat mematahkan anggapan-anggapan undang-undang terhadapnya. (perenggan 32, 36 & 39)

(6) Tidak ada sebarang sebab untuk mahkamah ini mengubah keputusannya yang telah memanggil perayu membela diri dan seterusnya mendapati perayu bersalah dan disabitkan sepertimana pertuduhan-pertuduhan terhadapnya. Kesalahan rasuah yang perayu lakukan ini sebagai seorang penjawat awam adalah suatu kesalahan yang serius. Ia bukan sahaja memecah amanah kepada tanggungjawabnya malah telah secara

A langsung melemahkam integriti perkhidmatan awam negara. Dan berpandukan kepada fakta kesnya, mahkamah ini tidak nampak bagaimana hukuman yang lebih ringan lagi boleh digantikan terhadap perayu. Hukuman-hukuman tempoh hari adalah wajar, memadai dan sabitan dan hukuman-hukuman itu dikekalkan.
B (perenggan 40)

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2000] 3 CLJ 162 HC ***(dirujuk)***
Ramly Md Yasin & Ors v. PP [1982] CLJ 200; [1982] CLJ (Rep) 724 HC ***(dirujuk)***
C

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Corruption Act 1997, ss. 42, 44, 47

Bagi pihak tertuduh - Abdul Roni Abd Rahman (Fakhruddin Dzulkarnain bersamanya); M/s Abdul Roni & Co
D *Bagi pihak pendakwaan - Tuan Saiful Hazmi Mohd Saad TPR*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

E

PENGHAKIMAN

Ridwan Ibrahim PK:

[1] Penama Abdul Rahman bin Mohd. Nor (perayu) seorang
F Pembantu Tadbir di Pejabat Tanah dan Daerah Slim telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen Teluk Intan, Perak dengan empat pertuduhan berikut:

Tuduhan Pertama:

G Bahawa kamu pada 8.1.2002 jam lebih kurang 10.53 malam, di sekitar Tanjung Malim, dalam Daerah Tanjung Malim, Slim River, di dalam Negeri Perak, telah secara rasuah meminta untuk diri kamu satu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM5,000.00 daripada Mohd. Zahid bin Sudar, sebagai dorongan untuk kamu melakukan suatu yang
H berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu menguruskan permohonan permit pengeluaran pasir Syarikat Kilauan Budi Sdn. Bhd. milik Mohd. Zahid bin Sudar, oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 yang boleh dihukum di
I bawah seksyen 16 Akta yang sama.

Tuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 14.1.2002 jam lebih kurang 11.35 pagi, di Coffee House, Hotel Seri Malaysia, Jalan Caldwell, Ipoh dalam Daerah Kinta, dalam Negeri Perak sebagai agen Kerajaan Malaysia iaitu Pembantu Tadbir gred N9, bertugas di Pejabat Daerah dan Tanah, Slim River telah secara memperoleh untuk kamu satu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM1,000.00 daripada Mohd. Zahid bin Sudar, sebagai dorongan untuk kamu melakukan suatu yang berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu menguruskan permohonan permit pengeluaran pasir Syarikat Kilauan Budi Sdn. Bhd. milik Mohd. Zahid bin Sudar, oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

Tuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 14.1.2002 jam lebih kurang 11.50 pagi, di Coffee House, Hotel Seri Malaysia, Jalan Caldwell, Ipoh dalam daerah Kinta, dalam Negeri Perak sebagai agen Kerajaan Malaysia iaitu Pembantu Tadbir gred N9, bertugas di Pejabat Daerah dan Tanah, Slim River telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu satu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM2,000.00 daripada Mohd. Zahid bin Sudar melalui akaun bank Maybank Cawangan Ipoh Garden, Perak nombor akaun: 158152000775, sebagai dorongan untuk kamu melakukan suatu yang berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu menguruskan permohonan permit pengeluaran pasir Syarikat Kilauan Budi Sdn. Bhd. milik Mohd. Zahid bin Sudar, oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

Tuduhan Keempat:

Bahawa kamu pada 17.1.2002 jam lebih kurang 11.00 pagi di Pejabat Daerah Dan Tanah Slim River, dalam daerah Tanjung Malim, dalam Negeri Perak sebagai agen Kerajaan Malaysia iaitu Pembantu Tadbir gred N9, bertugas di Pejabat Daerah Dan Tanah, Slim River telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu satu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM2,000.00 daripada Mohd. Zahid bin Sudar sebagai upah untuk kamu melakukan suatu yang berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu menguruskan permohonan permit pengeluaran pasir Syarikat Kilauan Budi

A Bhd. milik Mohd. Zahir bin Sudar, oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

B **[2]** Perbicaraan telah dijalankan terhadap perayu di mana di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen telah berpuashati dan memutuskan bahawa suatu kes *prima facie* telah dibuktikan dan memerintahkan perayu mengemukakan pembelaannya. Di akhir kes pembelaan, hakim berkenaan juga telah mendapati pihak pembelaan
C gagal mematahkan anggapan undang-undang di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta). Perayu didapati salah dan atas sabitan perayu dijatuhkan hukuman-hukuman seperti berikut:

i. Pertuduhan pertama – penjara dua belas (12) bulan mulai tarikh sabitan dan denda RM25,000 tidak bayar satu (1)
D tahun penjara.

ii. Pertuduhan kedua – penjara dua belas (12) bulan mulai tarikh sabitan dan dengan RM10,000 tidak bayar lima (5) bulan penjara.

E iii. Pertuduhan ketiga – penjara dua belas (12) bulan mulai tarikh sabitan dan dengan RM11,000 tidak bayar enam (6) bulan penjara.

iv. Pertuduhan keempat – penjara dua belas (12) bulan mulai
F tarikh sabitan dan denda RM11,000 tidak bayar enam (6) bulan penjara.

(Kesemua hukuman penjara bagi pertuduhan pertama, pertuduhan kedua, pertuduhan ketiga dan pertuduhan keempat
G adalah berjalan serentak).

[3] Perayu sekarang merayu ke Mahkamah Tinggi atas sabitan dan hukuman-hukuman ini.

[4] Rentetan kes ini bermula dari suatu permohonan pembaharuan
H permit memindahkan bahan bantuan dari Syarikat Kilauan Budi Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Mohamad Zahir bin Sudar (SP9) melalui permohonan bertarikh 30 Oktober 2001. Pada bulan November 2001, perayu ada menghubungi SP9 bertanyakan 'duit raya' dan sekali lagi pada 8 Januari 2002 bertanyakan RM5,000
I 'duit raya'nya. Kali kedua ini dengan kata-kata keras, kalau tidak

beri orang lain akan ambil tempat itu. Sebagai tindak balasnya, SP9 telah memaklumkan permintaan ini kepada pihak BPR Ipoh dan SP9 diminta bertemu mereka di Hotel Bunga Raya, Tanjung Malim. Dari hotel tersebut, perayu membalas panggilan dari SP9 tersebut, perayu membalas panggilan dari SP9 dari telefon bimbitnya di mana perbualan ini telah dirakamkan oleh pihak BPR. Pada 14 Januari 2002 satu perangkap telah dibuat oleh pihak BPR di mana SP9 akan ditemani oleh Teoh Ting Keong (SP10) seorang pegawai BPR yang menyamar sebagai rakan kongsi syarikat SP9 dan akan membayar RM3,000 dahulu kepada perayu sebagaimana permintaan dalam perbualan telefon sebelumnya. Pertemuan di Hotel Seri Malaysia, Ipoh berjalan lancar di mana perayu telah menerima RMl,000 tunai dan RM2,000 telah dimasukkan ke dalam akaun Maybanknya.

[5] Pada 16 Januari 2002, adik SP9 telah mengambil permit yang telah diperbaharui di Pejabat Tanah Slim.

[6] Pada 17 Januari 2002, satu lagi perangkap diatur di mana SP9 dan SP10 telah menyerahkan RM2,000 (tunai), bayaran baki terakhir kepada perayu. Perayu terima dan kemudiannya ditangkap bersama wang bertanda sebanyak RM2,000 di dalam satu sampul surat "Urusan Seri Paduka Baginda" yang dilipat dan ditindih dengan telefon bimbitnya di atas meja di hadapan perayu.

[7] Bagi pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu, pihak pendakwaan secara umumnya mesti membuktikan bahawa:

i. Perayu adalah seorang penjawat awam atau agen kerajaan.

ii. Perayu telah meminta (pertuduhan pertama) dan memperolehi wang-wang suapan berkaitan (pertuduhan kedua, ketiga dan keempat) daripada Mohd Zahid bin Sudar.

iii. Wang-wang berkaitan diminta dan diterima secara rasuah sebagai dorongan atau upah menguruskan permohonan dan kelulusan permit bahan batu.

[8] Dari keterangan saksi Haji Muhamadin bin Taib (SP1) berjawatan Penolong Pegawai Daerah Slim River, Perak telah mengesahkan perayu adalah salah seorang kakitangan di pejabatnya yang berjawatan sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) gred N9. SP1 mengesahkan juga tentang perakuan perjawatan perayu

di bawah s. 47 Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta). Oleh itu terbukti bahawa perayu adalah seorang penjawat awam dan seorang agen kerajaan Negeri Perak. Elemen pertama dibuktikan.

[9] Untuk pertuduhan pertama yang mana ia berkisar kepada permintaan rasuah RM5,000 pada 8 Januari 2002 oleh perayu kepada SP9, peguamnya menghujahkan bahawa keterangan yang ada tidak mencukupi bagi menwujudkan suatu kes *prima facie* terhadap perayu.

[10] Beliau menghujahkan bahawa tiada permintaan RM5,000 kepada SP9 oleh perayu. Ini kerana cuma dalam aduan (SP9) sahaja yang mengatakan ada permintaan sedemikian sedangkan dalam perbualan telefon melalui transkripsi yang tidak jelas dan tiada sebarang permintaan wang RM5,000 itu. Hakim Mahkamah Sesyen telah tersilap apabila menerima atau merujuk kepada perbualan telefon pada 13 January 2002 bagi mengesahkan permintaan walhal perbualan telefon itu berlaku selepas tarikh pertuduhan pertama iaitu tarikh 8 Januari 2002.

[11] Daripada pembacaan alasan penghakiman, Hakim Mahkamah Sesyen telah menegaskan yang beliau tidak mempunyai sebab untuk tidak mempercayai keterangan SP9; tambahan pula beliau tidak mendapati SP9 seorang rakan sejenayah perayu. SP9 terpaksa melaporkan kepada pihak BPR kerana ketiadaan permit bahan batu bermakna SP9 tiada pendapatan. Katanya SP9 tiada pilihan dan kewibawaanya sebagai saksi tidak tergugat. Saya juga mendapati dalam membahaskan tentang keputusannya bagi pertuduhan pertama ini, Hakim Mahkamah Sesyen tidaklah hanya bergantung kepada keterangan SP9 semata-mata. Beliau telah mengulas tentang keterangan saksi Mohd. Sarif Sham bin Sudar (SP10) merupakan adik SP9 yang kerja di syarikat yang sama.

[12] SP10 memberikan keterangan mengesahkan dengan positif tentang permintaan wang oleh perayu sebanyak RM5,000 bagi memperbaharui permit bahan batuan tahun 2002. Hal ini dimaklumkan oleh SP9 kepadanya, yang mana perbincangan mereka berdua berakhir dengan bersetuju membuat suatu laporan BPR kemudiannya.

[13] Hakim berkenaan juga telah mengambil kira dan menimbangkan keterangan sekeliling yang boleh membawa kepada suatu sokongan kepada versi keterangan pendakwaan. Antaranya adalah tentang panggilan telefon yang dibuat oleh perayu kepada SP9 pada 8 Januari 2002. Panggilan ini disahkan dibuat perayu ke telefon

bimbit SP9 pada tarikh tersebut oleh saksi Mohd. Azmin bin Arbain (SP6) seorang pegawai dari syarikat komunikasi Celcom. Sila rujuk eks. P6.

[14] Panggilan telefon yang telah dirakamkan pada 13 Januari 2002 yang telah diambil kira oleh Hakim Mahkamah Sesyen di dalam membuat kesimpulannya yang perayu telah meminta wang rasuah sebanyak RM5,000 itu. Adalah benar di dalam perbualan telefon (13 Januari 2002) itu tidak langsung menyebut tentang jumlah RM5,000. Hanya dalam laporan BPR SP9 sahaja yang menyebut tentang jumlah itu kepada mahkamah ini, sungguhpun tiada disebut tentang jumlah RM5,000 itu, ternyata dalam perbualan itu ada disebut RMl,000, RM4,000, RM3,000 antara SP9 dan perayu.

[15] Dan kalau diteliti dari perbualan itu, seseorang yang membacanya sudah semestinya akan membuat kesimpulan yang jumlah yang diminta adalah sejumlah RM5,000.

[16] Kepada saya laporan BPR yang dibuat oleh SP9 dan perbualan telefon yang dirakamkan pada 13 Januari 2002 adalah saling sah dan mengesahkan atau saling bantu membantu sekiranya dibacakan bersama. Tambahan pula saksi Mohamad bin Hassan (SP12) juga berpendapat bahawa memang sah perayu ada meminta wang dari SP9, daripada analisanya ke atas rakaman telefon berkaitan.

[17] Pada saya, Hakim Mahkamah Sesyen adalah berbetulan dalam mencapai keputusannya berkaitan dengan pertuduhan pertama terhadap perayu yang telah meminta wang RM5,000 dari SP9 bagi tujuan habuannya memproses permohonan dan kelulusan memperbaharui permit bahan batu kepada syarikat SP9. Apa yang lebih menguatkan lagi keputusannya adalah kerana segala urusan memperbaharui itu dibuat oleh perayu sendiri tanpa melalui sesiapa kecuali kebenaran atau kelulusan diberikan oleh pegawai atasan perayu. Saya juga yakin yang Hakim berkenaan telah pun menimbangkan segala keterangan di hadapannya secara 'total' dan mencapai keputusannya terhadap pertuduhan pertama kes ini.

[18] Kepada pertuduhan kedua terhadap perayu, nampaknya Hakim Mahkamah Sesyen telah berpuashati dan memutuskan bahawa perayu sebagai seorang penjawat awam telah menerima RM1,000 dari SP9 di Coffee House Hotel Seri Malaysia pada 14 Januari 2002 sebagai dorongan untuk menguruskan permohonan permit bahan batu kepada syarikat SP9.

A **[19]** Selain daripada beliau mendapati SP9 adalah individu yang menyerahkan wang RM1,000 kepada perayu, Hakim Mahkamah Sesyen tempohari juga berpuashati yang keterangan SP9 itu disokong secara keterangan terus oleh SP10 (seorang pegawai BPR) yang menyamar sebagai seorang rakan kongsi syarikat SP9.
B Saksi SP10 ini telah menceritakan bagaimana dia menerima wang RM1,000 ini dari saksi Shamsul Lokman (SP15) juga seorang pegawai BPR, juga menceritakan dia telah mengirakan wang itu di hadapan SP9 dan perayu. "Dipinjamkan' wang itu atas permintaan SP9 sebelum SP9 menyerahkannya pula ke tangan perayu sendiri.

C

[20] Peguam perayu menghujahkan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah terkhilaf bila mengatakan dalam rakaman perbualan telefon, perayu telah meminta RM1,000 itu dari SP9. Tetapi sekiranya diteliti alasan penghakiman di ms 18 rekod rayuan,
D ternyata hakim tidak pernah menyatakan sedemikian. Di situ beliau mengatakan bahawa melalui rakaman telefon itu perayu ada meminta wang di mana pembayarannya berlaku di Hotel Seri Malaysia yang melibatkan wang RM1,000, keesokan hari selepas rakaman telefon.

E

[21] Apa yang sebenarnya berlaku adalah perbuatan perayu memperolehi wang berkenaan di situ yang menjadi asas kepada pertuduhan kedua terhadap perayu. Saya bersetuju dengan alasan beliau apabila memutuskan akibat daripada pembuktian positif
F terhadap penerimaan RM1,000 itu oleh perayu, maka anggapan undang-undang di bawah s. 42 Akta adalah terpakai sebagaimana yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tempohari. Lagi pun, kepada pihak pembelaan, wang RM5,000 adalah pembayaran royalti atau wang doket yang perlu dibayar oleh syarikat SP9
G kepada kerajaan.

[22] Bayangan pembelaan ini telah ditimbulkan seawal di peringkat saksi SP4 lagi dan wang RM1,000 yang perayu terima di Hotel Seri Malaysia adalah sebahagian daripada jumlah bayaran tersebut dan bukannya wang rasuah. Pada saya sekali terbukti terdapatnya
H penerimaan dan perolehan oleh perayu, anggapan undang-undang mula terpakai terhadapnya dan dia perlu memberikan penjelasan bagi mematahkan anggapan undang-undang berkaitan – sila rujuk prinsip di dalam kes *PP v. Ku Yahya Ku Bahari & Anor* [2000] 3 CLJ 162.

I

[23] Kepada pertuduhan ketiga, adalah dibuktikan oleh pihak pendakwaan bahawa wang sejumlah RM2,000 telah dimasukkan ke dalam akaun perayu. Hakim Mahkamah Sesyen menerima cebisan keterangan SP15 yang menjalankan tugasnya memasukkan wang ke akaun perayu setelah mendapat isyarat memasukkan wang dari SP10 yang bercakap dalam Bahasa Cina kepadanya.

[24] Di dalam hujah peguambela, beliau tidak mempertikaikan sejumlah wang telah dimasukkan ke dalam akaun perayu tetapi beliau mempersoalkan bagaimana wang itu boleh dimasukkan ke dalam akaun anak guamnya? Kepadanya, wang tersebut dimasukkan ke akaun perayu tanpa diketahui oleh perayu sendiri. Di dalam alasannya Hakim Mahkamah Sesyen tidak hanya menimbangkan keterangan SP15 tetapi juga kepada fakta-fakta yang menunjukkan wang benar-benar dimasukkan ke dalam akaun perayu lalu beliau 'Invokekan' anggapan undang-undang di bawah s. 42 Akta. Pada saya Hakim Sesyen ini tidak terkhilaf dalam membuat keputusan sebegini. Ini kerana keterangan SP15 adalah disokong seawalnya oleh keterangan SP9 lagi yang mengatakan bahawa perayu memberikan reaksi positif secara mengangguk-angguk kepalanya tentang cadangan SP9 untuk memberikan RM1,000 secara tunai dan RM2,000 dimasukkan ke dalam akaunnya. Bukan hanya setakat itu sahaja, perayu nampaknya tidak kisah sama ada wang itu gagal dimasukkan ke dalam akaun isterinya asalkan wang itu dimasukkan ke dalam akaun – ms 54 dan 55 rekod rayuan. Keterangan SP10 juga telah mengesahkan keterangan SP9 ini. Keterangan tentang nombor akaun bank perayu terdapat pada SP9 dan persoalan bagaimana ianya didapati oleh SP9? SP9 telah memberikan jawabnya yang nombor akaun itu telah lama didapatinya bilamana perayu tempohari telah menyerahkan nombor itu kepada SP9 sebelum ini, sewaktu SP9 ada kadang kala mengirim duit bagi bayaran-bayaran tertentu mengenai urusan kerjanya berkaitan dengan pejabat tanah.

[25] Nombor akaun yang diberikan oleh perayu dahulu itulah yang SP9 berikan kepada SP15 sewaktu taklimat ringkas di kawasan tol Simpang Pulai sebelum SP9 dan SP10 dan Iain-lain lagi bertolak ke Hotel Seri Malaysia.

[26] Barang diingat bahawa SP9, SP10 telah menelefon SP15 bagi memasukkan wang RM2,000 itu dalam akaun, hanya selepas SP15 mendapat isyarat masukkan wang ke akaun perayu dari SP10. Dan SP10 juga tidak pula bertindak bersendirian dalam kes

A ini kerana SP9lah yang menjadi 'ketua' dalam pertemuan ini. Saya tidak ada sebab untuk meragui keterangan saksi-saksi SP9, SP10 dan SP15 mengesahkan yang apa-apa pelaksanaan tugas SP15 adalah bergantung kepada isyarat dari SP10 dan SP9 pula bertugas dalam perbincangan (mode) menyerahkan wang kepada
B perayu. Pada saya perbuatan memasukkan wang ke dalam akaun perayu bukanlah suatu perangkap, ianya dibuat dalam perayu sedar tentang apa yang sedang berlaku dan kemasukkan wang tersebut disedari oleh perayu dengan kata-katanya seperti di ms 53 dan 54 rekod rayuan. Saya yakin ini bukanlah suatu perangkap
C sepertimana tohmahan peguam perayu dalam hujahnya kepada pertuduhan ketiga ini. Saya juga bersetuju dengan Hakim perbicaraan apabila memutuskan anggapan undang-undang berkaitan terpakai dan memanggil pembelaan.

D **[27]** Kepada pertuduhan keempat, peguam perayu menghujahkan bahawa Hakim perbicaraan telah terkhilaf hanya menimbangkan dan mempercayai keterangan SP9 sahaja dalam membuat keputusannya terhadap perayu. Sekiranya diteliti dari alasannya, Hakim Mahkamah Sesyen da lam penemuan faktanya telahpun
E memutuskan bahawa SP9 bukanlah seorang rakan sejenayah dalam konteks kes ini. Tambahan pula s. 44 Akta tidak pula menghalang mahkamah dari menerima keterangan rakan sejenayah. Mahkamah ini bersetuju dengan pendapat Hakim Sesyen itu di mana beliau menyatakan terdapat banyak keterangan sokongan kepada
F keterangan SP9, apa yang jelas dari fakta, pembayaran RM2,000 ini dibuat selepas kelulusan permit bahan batu permohonan syarikat SP9 dikeluarkan. Semua berjalan seperti perbualan telefon antara SP9 dengan perayu – rakaman yang dibuat di sebuah hotel di Tg. Malim tempoh hari. Pembayaran ini juga adalah sebahagian
G daripada apa yang dipersetujui antara SP9 dan perayu semasa pertemuan kedua mereka di Coffee House Hotel Seri Malaysia pada tarikh berkaitan secara positif dan secara objektifnya permintaan daripada perayu adalah bermula dari satu panggilan telefon sepertimana pertuduhan pertamanya dan pembayaran-
H pembayaran yang menyusul kemudiannya adalah sepertimana intipati pertuduhan-pertuduhan kedua hingga ke keempat terhadap tertuduh, yang merupakan pelaksanaan kepada permintaan perayu terdahulu. Saya bersependapat dengan Hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan anggapan undang-undang timbul bagi keempat-
I empat pertuduhan terhadap tertuduh dan pembelaan dipanggil.

[28] SP9 dilihat sebagai rakan sejenayah. Antaranya adalah tentang SP10 sendiri yang mengira dan menyerahkan wang RM2,000 itu kepada SP9 dan dari SP9 mengirakannya semula dan memasukkan ke dalam sampul 'Urusan Seri Paduka Baginda' sepertimana permintaan perayu sebelum menyerahkannya kepada perayu. Semua perlakuan ini juga disaksikan oleh SP13 yang juga seorang pegawai BPR. Beliau hadir dan melihat dari luar pejabat atau melalui hadapan kaunter.

[29] SP14 juga seorang pegawai BPR, telah mengadakan tangkapan ke atas perayu telah menjumpai wang bertanda di dalam sampul surat "Urusan Seri Paduka Baginda' berlipat yang bertindih dengan telefon bimbit perayu, di atas meja perayu di dalam pejabatnya.

[30] Penemuan wang bertanda ini menguatkan lagi versi pendakwaan, bahawa wang telah diterima oleh perayu – "... the discoveries of the marked notes from the accused are independent corroborative evidence which led to one and only irresistible conclusion the accused received the money" – kes *Ramly Md Yasin & Ors v. PP* [1982] CLJ 200; [1982] CLJ (Rep) 724.

[31] Jelas dari bayangan pembelaan, perayu tidak mempertikaikan yang wang dalam pertuduhan keempat diterima oleh perayu, cuma pihaknya mempertahankan bahawa bayaran wang yang terjadi adalah bayaran royalti yang perlu dibayar oleh syarikat SP9 - yang dikatakan 'dikumpulkan' oleh perayu bagi pihak SP9.

[32] Secara umumnya, pembelaan atau dalihan perayu tertumpu kepada dua perkara di mana dia menafikan ada meminta wang dari perayu bagi SP9 untuk menguruskan permohonan permit bagi pertuduhan pertama dan menafikan pula wang-wang berjumlah RM5,000 yang diterimanya adalah wang rasuah tetapi wang bagi membayar royalti di bawah permit yang diluluskan kepada syarikat SP9. Daripada pembacaan alasan penghakimannya, Hakim Mahkamah Sesyen telah menolak kedua-dua aspek pembelaan di atas kerana kepadanya perayu gagal menimbulkan apa-apa keterangan dalam mematah anggapan undang-undang yang terpakai terhadapnya.

A **[33]** Hakim perbicaraan menegaskan bahawa pembelaan gagal berbuat demikian oleh kerana beliau telah melihat dan menimbangkan persekitaran kes atau fakta-fakta di sekeliling kes itu sendiri. Beliau mengatakan beliau tidak dapat menerima alasan yang perayu hanya menghubungi SP9 semata-mata memberitahu
B perkembangan permohonan permit berkaitan, walhal sewaktu panggilan-panggilan terdahulu dan di akhirnya dengan panggilan telefon yang dirakamkan, kelulusan bagi permit berkaitan belum lagi dibuat oleh pihak Pejabat Tanah. Barang diingat, (kepada saya) pada peringkat pembayaran atau penerimaan RM3,000 yang
C pertama oleh perayu, kelulusan berkaitan belum dikeluarkan lagi.

[34] Hakim Mahkamah Sesyen juga telah menolak pembelaan perayu bagi penafiannya wang RM5,000 adalah wang rasuah. Beliau tidak dapat menerimanya sebagai wang bagi membayar
D royalti bahan batu. Beliau telah mengatakan yang dia tidak dapat melihat apa-apa alasan lagi bagi SP9 terpaksa bersusah payah pergi ke Hotel Seri Malaysia, Ipoh dari Kuala Kubu Baru semata-mata menyerahkan RM1,000 tunai dengan RM2,000 dimasukkan ke dalam akaun. Persoalan mengapa 'arrangement' dibuat sedemikian
E tidak dijawab oleh pembelaan di dalam tugasnya mematahkan anggapan undang-undang, begitu juga dengan persoalan mengapa wang-wang itu harus 'di parking' dalam akaun perayu tidak dijawab. Saya pula tidak dapat mengesan tentang keperluan yang mendadak untuk SP9 berbuat demikian.

F **[35]** Tentang pembelaan perayu bahawa dia tak sempat keluarkan resit kepada SP9 kerana dia tidak berpeluang berbuat demikian setelah ditangkap. Pada Hakim Sesyen berkenaan, pembelaan ini meleset kerana tiada apa-apa wang lain dengannya selain daripada
G wang RM2,000 atas meja atau wang yang tidak sampai RM100 di dalam beg duitnya, bagi dicampurnya dengan wang RM2,000 itu, bagi membolehkan resit RM5,000 itu dikeluarkan – sila rujuk keterangan-keterangan SP14 dan SP16. Saksi SP19 lagi pun telah mengesahkan bahawa mengikut fail meja, kerani-kerani tidak boleh
H terima wang kecuali yang bertugas di kaunter bayaran.

[36] Kepada saya pula, saya bersetuju dengan alasan-alasan Hakim Mahkamah Sesyen menolak pembelaan perayu kerana kesalahan-kesalahannya telah diniatkan dari sejak awal panggilan telefon, sebelum bagi panggilan telefon yang dirakamkan. Saya juga
I

mendapati dan tidak nampak apa-apa situasi yang mengatakan SP9 telah mengumpan rasuah kepada perayu, yang membawa kepada perangkap oleh pihak BPR.

[37] Saya juga berpendapat 'arrangement' bagi menyimpan wang ke dalam akaun perayu, di tangan perayu adalah sesuatu yang tidak masuk akal kerana SP9 bukanlah seorang budak mentah yang tidak tahu mengumpul duit demi kesinambungan hayat syarikatnya. Apa yang jelas perniagaan ceburan SP9 ini tidaklah sukar untuk mendapat rakan kongsi, hinggakan perayu percayakan yang SP10 adalah rakan kongsi SP9, tambahan pula perayu telah lama mengenali syarikat SP9 dan berkecimpung di dalam lengkongan urusniaga bahan batuan di pejabatnya. Pada saya, pembelaan perayu ini agak susah untuk dipercayai kerana pembelaan tidak pula menyatakan sebab-sebab mengapa diaturkan pembayaran sedemikian oleh perayu? Walaupun katanya sebagai bayaran royalti. Apakah ada sebab-sebab lain yang perlu dibuat pembayaran sedemikian sedangkan surat tawaran kelulusan permit memberi masa 14 hari kepada syarikat SP9 bagi melunaskan jumlah royaltinya.

[38] Umumnya, pembacaan dan analisis terhadap keterangan pembelaan perayu tidaklah mencapai satu keadaan yang boleh ditimbang atau dianggapkan dapat mematahkan anggapan-anggapan undang-undang terhadapnya. Saya percaya Hakim berkenaan telah pun memberikan pertimbangan yang menyeluruh terhadap pembelaan perayu.

[39] Jelas dari alasan penghakimannya, Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat pertimbangan dan penelitian secara menyeluruh terhadap saksi kedua-dua belah pihak, pendakwaan maupun pembelaan. Malah dari versi keterangan mereka Hakim berkenaan telah membuat beberapa perjumpaan fakta, yang pada pendapat saya ia disokong oleh keterangan-keterangan di hadapannya. Setelah meneliti rekod rayuan ini, saya merasakan tidak ada sebarang sebab untuk saya mengubah keputusannya yang telah memanggil perayu membela diri dan seterusnya mendapati perayu bersalah dan disabitkan sepertimana pertuduhan-pertuduhan terhadapnya.

A **[40]** Mengenai hukuman, saya katakan kesalahan rasuah yang perayu lakukan ini sebagai seorang penjawat awam adalah suatu kesalahan yang serius. la bukan sahaja memecah amanah kepada tanggungjawabnya malah telah secara langsung telah melemahkan integriti perkhidmatan awam Negara. Dan berpandukan kepada
B fakta kesnya, saya tidak nampak bagaimana hukuman yang lebih ringan lagi boleh digantikan terhadap perayu.

[41] Pada saya, hukuman-hukuman tempoh hari adalah wajar, memadai dan sabitan dan hukuman-hukuman itu dikekalkan. Oleh
C itu rayuan perayu dengan ini ditolak.

D

E

F

G

H

I